

1,300 penuntut sertai Hari Sukan UMP

utusan malaysia CHeLo KAMPUS 14/11/2015 ms 26
KUANTAN 3 Nov. - Seramai 1,300 penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Hari Sukan UMP 2015 di UMP cawangan Pekan dekat sini baru-baru ini.

Yang hadir sama memeriahkan sambutan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin dan Ketua Pusat Sukan UMP, Mohd. Aznorizamin Ismail yang turut bersama-sama menyertai senamrobik bersama pelajar.

Dr. Yuserrie berkata, program ini diadakan bagi menyahut seruan dan hasrat negara bagi menjadikan setiap masyarakat bergiat aktif dalam bidang sukan dan rekreasi.

"Program ini yang melibatkan penyertaan hampir 1,300 orang

pelajar UMP Pekan. Program ini juga telah dimasukkan di dalam tentatif Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Pekan," katanya di sini hari ini.

Menurut beliau, penganjuran Hari Sukan Negara ini adalah penting dalam usaha bersama menggalakkan warga UMP menerapkan amalan budaya hidup sihat, cergas dan aktif.

"Beberapa acara turut dipertandingkan iaitu futsal, bola tampar, bola jaring, sepak takraw dan UMP Pekan Run 2015.

"Lebih menarik kebanyakan acara sukan yang dipertandingkan adalah pada waktu malam dan memberi kelainan tersendiri penganjuran pertandingan kali ini," katanya.

Program ini yang melibatkan penyertaan hampir 1,300 orang pelajar UMP Pekan. Program ini juga telah dimasukkan di dalam tentatif Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Pekan."

YUSERRIE ZAINUDDIN
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



SALAH satu pasukan yang menyertai pertandingan futsal sempena Hari Sukan UMP 2015 di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan, Pahang, baru-baru ini.